

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2016

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) urus niaga terkini portfolio global Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan
- (b) dasar pelaburan global KWSP pada masa hadapan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a. Sehingga 31 Disember 2015, saiz aset pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sebanyak RM684.53 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM173.76 bilion atau 25% adalah merupakan pelaburan luar negara dengan pecahan mengikut kelas aset seperti berikut:

Jenis Kelas Aset	RM billion (%)
Jumlah Aset Keseluruhan KWSP(31.12.2015)	684.53
Aset Luar Negara	173.76 (25%)
• Pinjaman & Bon	26.02 (15%)
• Ekuiti	134.22 (77%)
• Hartanah & Infrastruktur	13.52 (8%)

*Statistik ini belum diaudit dan tertakluk kepada perubahan.

Urus niaga pelaburan luar negara KWSP adalah bergantung kepada jenis kelas aset pelaburan tersebut. Majoriti pelaburan luar negara KWSP dilaburkan dalam kelas aset Ekuiti dan Pinjaman & Bon, yang mana urus niaga yang dijalankan adalah secara harian dan dalam kuantiti yang besar. Pelaburan luar negara KWSP merangkumi lebih 30 buah negara dengan pecahan mengikut benua iaitu Asia (44%),

Amerika Utara (25%), Eropah (23%), Australia (5%) dan lain-lain (4%).

b. Pada masa hadapan, KWSP akan mengkaji strategi bagi pelaburan luar negara dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti berikut:

Pertama, saiz aset pelaburan KWSP yang meningkat pada kadar pertumbuhan lebih pesat daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia;

Kedua, kecairan pasaran luar negara berbanding domestik; dan

Ketiga, peluang-peluang pelaburan yang ditawarkan.

Kajian ini akan dijalankan seiring dengan semakan semula Alokasi Aset Strategik KWSP yang disemak setiap tiga tahun dengan semakan terakhir pada tahun 2014. Seperti yang diamalkan sebelum ini, peningkatan pendedahan pelaburan luar negara KWSP akan dijalankan secara berhemah dan berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun pendedahan pelaburan luar negara KWSP telah meningkat dari tahun ke tahun, pelaburan domestik terus kekal penting dan merupakan bahagian utama dalam struktur pelaburan KWSP. Saiz portfolio pelaburan domestik secara konsisten mencatatkan peningkatan yang

memberangsangkan pada kadar 5% - 6% setiap tahun.